

20 DEC 2003

ANGGOTA BELIA 4B DIGESA MENDAFTAR SEBAGAI PENGUNDI

SHAH ALAM, 20 Dis (Bernama) -- Anggota Gerakan Belia 4B yang layak perlu berdaftar sebagai pengundi bagi memastikan kejayaan Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang, kata Presidennya Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata mereka perlu segera mendaftar sebagai pengundi kerana hanya tinggal 10 hari sahaja untuk mereka berbuat demikian.

Katanya ia juga sebagai tanda sokongan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan berterima kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kalau sokong Pak Lah dan nak berterima kasih kepada Dr Mahathir kena jadi pengundi. BN akan membela nasib masyarakat," katanya Mohd Ali yang juga Ketua Menteri Melaka pada Perhimpunan Agung ke-29 Gerakan Belia 4B Malaysia di sini hari ini.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo ketika berucap merasmikan perhimpunan itu berharap Kementerian Belia dan Sukan memberikan peruntukan yang sewajarnya bagi membiayai aktiviti persatuan belia.

Beliau berkata kementerian perlu memberikan pertimbangan yang sewajarnya dalam memberikan peruntukan bagi aktiviti belia dan tidak hanya menumpukan kepada aktiviti sukan sahaja.

"Sukan penting tapi belia juga penting. Sekarang ini keadaan berubah, nak berpersatuan pun kena wang," katanya.

-- BERNAMA

LES RHM